



"TEMAN BERITA KOMUNITI ANDA"

ASPIRASI

Edisi 4 / 2025
(Oktober - Disember)

TOWN HALL

PETUGAS KPF 2025

MENUTUP TAHUN, MENYUSUN ASPIRASI 2026

**KPF RAIKAN
RAKAN MUAFAKAT
BTS 2025**

**PEMBENTANGAN
RANCANGAN KERJA &
BAJET 2025/2027
KPF PERKEMAS STRATEGI**



Penaung
Sakinah Salleh
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan



Penasihat
Anuar Hassan
Divisyen Pengurusan & Perkhidmatan



Ketua Editor
Atiqah Ya'acob



Penulis
Mohd Fikrie Azlan



Visual & Media
Ahmad Yusri Yusoff



Grafik & Visual
Farhan Akmal Parsi



Media & Perhubungan Awam
Salmiah Ahmad Tahir



Grafik & Media
Muhammad Izzat Che Baharun

SOROTAN BERITA

- **TOWN HALL PETUGAS KUMPULAN KPF 2025** 4
- **KPF RAIKAN RAKAN MUAFAKAT BTS 2025** 6
- **PEMBENTANGAN RANCANGAN KERJA & BAJET 2026-2027** 8
- **PERKASAKAN TEKNOLOGI HIJAU BERSAMA KPF** 13
- **KPF BEKERJASAMA DENGAN KPFB** 17

KPF DEKAT DI HATI MELALUI PERANAN MEDIA SOSIAL

f Kpf Rasmi

LIKE
SEARCH
SHARE

kpfrasmi

RSS !

kpfrasmi

KPF menggiatkan **penglibatan** anggota melalui peranan media sosial rasmi yang membenarkan interaksi mudah, promosi produk dan menyebarkan maklumat terkini. Media sosial menjadi platform untuk memperkuatkan **perhubungan** dan **kepercayaan**.

ASPIRASI PENGGERUSI

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, dengan izin Allah SWT, tahun 2025 telah dapat kita lalui dengan jayanya. Saya merakamkan penghargaan kepada barisan Lembaga, pengurusan dan seluruh warga kerja KPF serta sokongan berterusan pemegang taruh, khususnya anggota KPF.

Usaha mengembalikan KPF ke landasan kecemerlangan terdahulu bukanlah mudah. Namun, barisan Lembaga kekal komited menangani cabaran dan memenuhi jangkaan pemegang taruh demi memastikan kelangsungan dan kemajuan koperasi.

Alhamdulillah, dalam tempoh 2020 hingga 30 November 2025, KPF telah membayar RM1.21 bilion kepada anggota bagi pengeluaran syer dan dividen tahunan, dengan baki pembayaran dilaksanakan secara berperingkat. Insya-Allah, KPF komited menyantuni semua permohonan dan memohon maaf atas sebarang kekhilafan.

KPF terus memperkukuh strategi pentadbiran, pelaburan dan perniagaan melalui Sesi Pembentangan Rancangan Kerja 2026-2027 dengan penekanan kepada kedudukan kewangan, sasaran prestasi dan keutamaan strategik. Terima kasih pengurusan KPF dan anggota Lembaga yang terlibat.

D isamping itu, penghargaan dan tahniah turut dizahirkan kepada Rakan Muafakat dalam program Buah Tandan Segar (BTS) hasil kolaborasi FELDA-KPF yang memberi manfaat besar kepada koperasi dan komuniti peneroka. Tahniah kepada rakan BTS yang menerima anugerah.

Menutup tirai 2025, program *Town Hall* telah menjadi platform komunikasi dua hala dan menyusun aspirasi tahun baharu 2026. Kami kekal komited memacu kecemerlangan koperasi yang kita banggakan. Insya-Allah.

KPF Maju Anggota Sejahtera.
Sekian, wassalam.

YBHG. DATO' MOHD BANURI ARIS
Pengerusi

WARKAH KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KUMPULAN

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,

Tahun 2025 telah melabuhkan tirainya dengan pelbagai cabaran yang berjaya kita harungi bersama demi memajukan koperasi yang kita sayangi. Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada sidang editorial atas komitmen berterusan dalam menerbitkan buletin secara berkala ini, yang menjadi wadah penting dalam menyampaikan gerak kerja dan inisiatif organisasi sepanjang tahun.

Mewakili pihak pengurusan dan seluruh warga kerja, kami kekal komited untuk memberikan perkhidmatan terbaik serta pulangan simpanan dan pelaburan yang kompetitif kepada para pemegang taruh. Pelbagai perancangan strategik telah dirangka bagi memastikan perkembangan koperasi terus berada pada landasan yang positif dan mampan.

Antara fokus utama adalah pengukuhan tadbir urus korporat melalui kerjasama strategik dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM). Beberapa siri rundingan dan khidmat nasihat telah dilaksanakan bagi memperkemas pentadbiran serta memastikan KPF terus beroperasi selaras dengan keperluan dan piawaian semasa.

Saya turut merakamkan tahniah kepada KPF Hotel Management atas kejayaan menerima Anugerah *Most Preferred Brand* 2025. Pencapaian ini amat membanggakan dan menjadikan Tenera Hotel & Suites sebagai simbol kebanggaan warga FELDA serta anggota KPF.

Secara keseluruhan, KPF telah mencatatkan prestasi yang lebih memberangsangkan pada tahun 2025. Saya berharap semua pihak terus memainkan peranan penting dalam memacu kejayaan KPF pada tahun mendatang kerana pencapaian ini terhasil daripada sokongan dan komitmen bersama.

KPF Untuk Anggota.
Sekian, wassalam.

YBRS. PUAN SAKINAH SALLEH
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan



TOWN HALL

PETUGAS KPF 2025 MENUTUP TAHUN, MENYUSUN ASPIRASI 2026

Sesi Townhall Kumpulan Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (KPF) telah berlangsung dengan jayanya di Dewan Merak Kayangan, Balai Felda.

Dalam ucapan aluan oleh **Encik Anuar Hassan**, Ketua Divisyen Pengurusan & Perkhidmatan mewakili pengurusan KPF, beliau menekankan kepentingan kesepaduan, komitmen dan hala tuju organisasi dalam menghadapi cabaran tahun mendatang. Setinggi tahniah kepada syarikat-syarikat subsidiari yang telah mencapai kecemerlangan sepanjang 2025.

Program diteruskan dengan Sesi **Town Hall** oleh **Pengerusi KPF, YBhg. Dato' Mohd Banuri Aris** yang menjadi platform perkongsian aspirasi kepimpinan, pencapaian organisasi serta ruang interaksi terbuka bersama petugas dalam Sesi Bual Bicara.



@kpftrasmj



www.kpf.my

Majlis kemudian diserikan dengan **Sesi Penyampaian Anugerah Khidmat Setia Petugas Kumpulan KPF** yang telah berkhidmat selama 10 hingga 40 tahun. Pengiktirafan ini adalah tanda penghargaan KPF terhadap dedikasi dan sumbangan besar para petugas sepanjang tempoh perkhidmatan mereka, yang telah menjadi nadi kepada kejayaan KPF. Turut diadakan **Sesi Penyampaian Zakat Wakalah Back To School** kepada anak-anak petugas Kumpulan KPF mencerminkan komitmen KPF terhadap tanggungjawab sosial dan kebajikan komuniti.

Secara keseluruhannya, **Town Hall** Petugas Kumpulan KPF 2025 berjaya mencapai objektif sebagai wadah penyatuan, perkongsian maklumat strategik serta pengukuhan hubungan antara pengurusan dan petugas.

Sesi tersebut dihadiri oleh anggota Lembaga, pengurusan Kumpulan KPF, dan para petugas kumpulan KPF dari seluruh negara yang diadakan secara fizikal dan sambungan atas talian melalui aplikasi zoom.



KPF *Raikan* RAKAN MUAFAKAT BTS 2025

2-3 Disember 2025 | Bandar Baru Bangi

Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (KPF) telah menganjurkan Majlis Penghargaan dan Ramah Mesra Rakan Muafakat BTS 2025 bertempat di Hotel Tenera, Bandar Baru Bangi.

Penganjuran kali kedua ini bertujuan mengiktiraf komitmen rakan muafakat yang terlibat dalam pelaksanaan aktiviti menjual, mengalih dan membeli Buah Tandan Segar (BTS) di tanah-tanah rancangan FELDA. Ia juga merupakan platform penting untuk memperkukuh hubungan kerja antara KPF dan rakan muafakat yang terdiri daripada koperasi serta badan peneroka.

Majlis telah dirasmikan oleh YBrs. Encik Ahmad Syaarani Azulan, Setiausaha KPF, Pengarah Pembangunan Komuniti dan Generasi yang Menanggung Kerja Timbalan Pengarah Besar Pembangunan Komuniti FELDA, merangkap Ahli Jawatankuasa BTS KPF. Turut hadir, YBrs. Encik Zamri Mohd Salleh, Pengarah Wilayah Tengah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) yang dijemput bagi memberikan penerangan berkaitan polisi dan garis panduan semasa industri sawit.

Majlis turut menyaksikan penyampaian **Anugerah Rakan Muafakat BTS 2025** yang mengiktiraf rancangan dan koperasi atas pencapaian cemerlang dalam aktiviti BTS.





Program ini turut dihadiri oleh YBr. Encik Razuwan Che Rose, Pengarah Operasi Perladangan yang Menanggung Tugas Timbalan Pengarah Besar Perladangan FELDA merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pembelian BTS KPF; barisan Anggota Lembaga KPF merangkap Jawatankuasa Belian BTS, YBhg. Dato' Zainal Abidin Ahmad, YBr. Encik Zaid Sidek, dan YBr. Encik Hasbullah Muhamad; YBr. Puan Sakinah Salleh, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan KPF; serta pengurusan FELDA, pengurusan KPF, pengurusan rancangan, wakil koperasi dan badan peneroka.

Tahniah kepada penerima anugerah dan sekaligus penghargaan buat semua Rakan Muafakat BTS KPF yang hadir kira-kira 240 orang. Dari Peneroka Kepada Peneroka!



ANUGERAH KHAS (KOORDINASI MAMPAN)

- JKRR FELDA GUNUNG BERSOUT 01
- KOPERASI FELDA GUNUNG BERSOUT 2 SUNGKAI BERHAD
- KOPERASI FELDA GUNUNG BERSOUT TIGA
- JKRR FELDA GUNUNG BERSOUT 04





6-7 Disember 2025

PEMBENTANGAN RANCANGAN 2026/2027 : KPF PERKEMAS STRATEGI



Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (KPF) telah mengadakan **Sesi Pembentangan Rancangan Kerja & Bajet 2026/2027 kepada anggota Lembaga** untuk membincangkan unjuran kewangan, sasaran prestasi dan keutamaan strategik bagi memastikan kesinambungan kecemerlangan operasi pada tahun 2026. Pembentangan turut memfokuskan usaha meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan kepada anggota.

Sesi ini melibatkan pembentangan oleh pengurusan kanan KPF yang diketuai oleh YBrs. Puan Sakinah Salleh, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, bersama enam syarikat subsidiari KPF iaitu KPF Plantation, Felda D'Saji, KPF Agro, KPF Trading, KPF Niaga dan KPF Hotel Management. Setiap Ketua Syarikat membentangkan perancangan kerja dan operasi serta sasaran bagi tahun 2026/2027 selaras dengan Perancangan Hala Tuju Tiga Tahun 2025-2027.

Turut hadir adalah barisan anggota Lembaga yang dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Mohd Banuri Aris, Pengerusi KPF, bersama barisan Pengurusan KPF, Ketua-Ketua Syarikat di bawah KPF dan Ketua-Ketua Jabatan.





KERJA DAN BAJET DAN PERKUKUH PRESTASI



MOST PREFERRED BRAND



30 OKTOBER 2025 | KUALA LUMPUR

TENERA HOTEL & SUITES RAIH ANUGERAH "MOST PREFERRED BRAND 2025"



Tenera Hotel & Suites telah terpilih menerima pengiktirafan berprestij Anugerah **"Most Preferred Brand - Outstanding Muslim-Friendly Hospitality & Event Space"** bersempena dengan The BrandLaureate 20th Anniversary Special Limited Edition - Best Brands Awards 2025 yang berlangsung di The Majestic Hotel, Kuala Lumpur.

Anugerah tersebut telah diterima oleh YBrs. Encik Ahmad Syaarani Azulan, Setiausaha Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (KPF) yang juga merupakan Pengarah Pembangunan Komuniti dan Generasi FELDA yang hadir mewakili Tenera Hotel & Suites pada majlis penganugerahan berkenaan.

Tenera Hotel & Suites diuruskan oleh KPF Hotel Management Sdn. Bhd., anak syarikat milik penuh KPF ini diiktiraf atas penawaran hospitaliti yang lengkap dan patuh syariah yang dipercayai dengan kekuatan yang menjadi faktor utama penilaian oleh panel penilai termasuklah dapur bersijil halal, restoran bebas alkohol, ruang solat yang lengkap dengan kemudahan ibadah, serta pengurusan acara yang selaras dengan prinsip hospitaliti mesra Muslim.

Hadir sama pada majlis itu adalah Anggota Lembaga KPF, Encik Hasrin Ismail, Encik Hasbullah Muhamad, dan wakil pengurusan KPF, Encik Anuar Hassan, Puan Atiqah Yaacob serta Pengurus Besar Tenera Hotel & Suites, Encik Fadzly Hamzah serta barisan pengurusannya.

Tahniah kepada Encik Fadzly Hamzah dan pasukan Tenera Hotel & Suites atas kejayaan penerimaan anugerah ini!



@kpfraimi



www.kpf.my


SEKALUNG *Tahniah*

TENERA HOTEL & SUITES

atas penganugerahan



14 November 2025 | Tenera Hotel, Bangi




Preview 2026 **RAMADAN** **TENERA HOTEL & SUITES**

Tenera Hotel & Suites dengan sukacitanya mempersembahkan **Bufet Ramadan 2026** yang bakal menawarkan pengalaman berbuka puasa yang lebih istimewa dan memikat selera.

Bertemakan "**Serantau Desa, Citarasa Mendunia**", bufet kali ini menggabungkan sajian tradisi Melayu desa, disediakan dengan sentuhan moden oleh cef berpengalaman dan sesuai dinikmati bersama keluarga tersayang dan rakan-rakan.

Untuk pertanyaan lanjut atau pembelian secara berkumpulan, sila hubungi 019-385 4796 atau 03-8929 9600.



@kpiinspirasi



www.kpi.my

1 OKTOBER 2025 / BERNAMA / JALAN TUN RAZAK KUALA LUMPUR

PERKASAKAN TEKNOLOGI HIJAU Bersama KPF



YBhg. Dato' Mohd Banuri Aris, Pengerusi Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (KPF) telah tampil secara langsung dalam rancangan Jendela Fikir di BERNAMA Radio bersama dengan Encik Armanudin Abdullah, Ketua Pegawai Eksekutif Sustainable Future Sdn. Bhd. (SFSB) iaitu syarikat bersekutu KPF yang menjalankan aktiviti berasaskan teknologi hijau bersama KPF.

Perbincangan menarik ini menyentuh tentang kepentingan teknologi hijau dalam menjamin kelestarian alam sekitar, keperluan perubahan gaya hidup yang lebih mampan, serta peranan KPF dalam mendukung inisiatif hijau demi kesejahteraan generasi masa depan.

KPF komited untuk terus menyokong agenda hijau melalui pelaburan lestari, inisiatif tenaga boleh diperbaharui, dan usaha memperkasakan komuniti FELDA ke arah pembangunan mampan.



@kpfrosmi



www.kpf.my

7 OKTOBER 2025 | SUNGAI BULOH, SELANGOR



KPF PERKUKUH HUBUNGAN STRATEGIK BERSAMA MSM MELALUI LAWATAN TAPAK

Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (KPF) telah menghadiri sesi lawatan ke Gudang Sungai Buloh milik MSM Prai Berhad (SBW) yang dianjurkan oleh MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM), bersama Ahli Lembaga Pengarah dan pegawai kanan pemegang syer lain, termasuk FGV Holdings Berhad.

Lawatan ini bertujuan memperkukuh hubungan strategik antara KPF dan MSM, selain memberi peluang kepada delegasi KPF untuk meninjau kecekapan operasi logistik serta pengurusan rantai bekalan industri gula negara.

Sepanjang lawatan, para delegasi diberi taklimat mengenai operasi dan strategi pengurusan gudang MSM, yang memainkan peranan penting dalam memastikan kelangsungan dan kestabilan bekalan gula bertapis di pasaran tempatan.

Turut hadir mewakili KPF ialah YBhg. Dato' Mohd Banuri Aris, Pengerusi KPF merangkap Ahli Lembaga Pengarah MSM; Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, YBrs. Puan Sakinah Salleh; Pengarah Eksekutif Pelaburan dan Perniagaan, Encik Zaffary Ab Rashid; serta Ketua Pengurusan dan Perkhidmatan, Encik Anuar Hassan.

KPF akan sentiasa menyokong MSM bagi memastikan kelangsungan operasinya yang baik sekali gus memberi manfaat kepada anggota KPF melalui dividen tahunan yang lebih baik.



#kpfinspirasi



www.kpf.my

21 OKTOBER 2025 | KUALA LUMPUR

KUNJUNGAN HORMAT KE SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA (SKM)



Satu kunjungan hormat telah diadakan oleh **Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (KPF)** ke Ibu Pejabat Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) bagi membincangkan hal berkaitan operasi koperasi.

Delegasi KPF telah disambut mesra oleh YBrs. Tuan Haji Efendee O P Andu, Naib Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi & Kawal Selia) SKM. Mewakili pihak KPF dalam kunjungan hormat ini ialah Encik Zaffary Ab Rashid, Pengarah Eksekutif Pelaburan & Perniagaan; YBrs. En. Anuar Hassan, Ketua Divisyen Pengurusan & Perkhidmatan; Encik. Rosman Fauzi Ngah, Ketua Jabatan Kewangan dan Akaun; dan Encik Abdul Rahman Hamzah, Ketua Jabatan Operasi dan Keanggotaan.

Perjumpaan ini membuka ruang untuk perkongsian pandangan serta penambahbaikan dalam aspek tadbir urus koperasi, keanggotaan, dan hala tuju pelaburan strategik. KPF merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas kesudian pihak SKM menerima kunjungan ini dan berharap jalinan kerjasama ini dapat diperkukuhkan lagi pada masa akan datang.



PERASMIAN D'MART SEGI FRESH *Cawangan Ke-53* 22 November 2025 | FELDA Jengka 12 DI FELDA JENGKA 12

Cawangan ke-53 D'Mart Segi Fresh telah dibuka semula dan dirasmikan di FELDA Jengka 12.

Majlis perasmian ini telah disempurnakan oleh **Pengarah Wilayah, FELA Wilayah Jengka, YBrs. Encik Encik Mohd Termizi Lee**. Kehadiran beliau memeriahkan lagi acara penting ini untuk komuniti setempat.

Pembukaan semula D'Mart Segi Fresh dengan tagline **"Legasi Warisan Gemilang"** adalah langkah penting KPF dalam memperkukuhkan perniagaan runcit dan memberi manfaat kepada KPF dan warga FELDA di Jengka 12 dan kawasan berhampiran yang majoritinya adalah anggota KPF.

Majlis ini turut diserikan dengan kehadiran tetamu-tetamu kehormat, termasuk Encik Mohd Amir Jusoh, Pengurus FELDA Jengka 12, Encik Zanal Abidin Malek, Pengurus FELDA Jengka 9, Encik Taufik Mansor, Timbalan Ketua Peneroka FELDA Wilayah Jengka merangkap Ketua Peneroka FELDA Jengka 12, Puan Hajah Hatipah Omar, Ketua GPW FELDA Jengka 12. Turut hadir Encik Abdul Rahim MD Sa'ad, Ketua Peneroka FELDA Jengka 9 bersama Puan Che Mas Che Abdullah, Ketua GPW FELDA Jengka 9.





17 Disember 2025 | Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur

KPF BEKERJASAMA DENGAN KPFB

METERAI MoU PERKUKUH PEMBANGUNAN PERNIAGAAN

Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (KPF) memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Koperasi Peserta-Peserta FELCRA Malaysia Berhad (KPFB) bagi memperkukuh pembangunan perniagaan antara koperasi.

Kerjasama strategik tersebut juga melibatkan perkongsian teknologi, kepakaran serta proses pembelajaran.

Inisiatif ini membuktikan komitmen KPF untuk terus memperkasa ekonomi melalui perniagaan dan memberi manfaat kepada warga FELDA.

Sesi pemeteraian MoU berkenaan turut disaksikan oleh Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi. Dalam sesi menandatangani MoU itu, KPF diwakili Pengerusi, YBhg. Dato' Mohd Banuri Aris dan KPFB diwakili Pengerusi, YBhg. Dato' Haji Sabari Misran.





"Inisiatif ini menunjukkan komitmen FELDA D'Saji untuk terus menawarkan sajian berkualiti selari dengan pendekatan moden dan keperluan pelanggan."

Haji Shariffudin Ibrahim
Ketua Eksekutif FELDA D'Saji Sdn. Bhd.

Majlis Perasmian SANTAI MENU & KONSEP BAHARU KIOSK FELDA D'SAJI DI MENARA FELDA



Majlis Perasmian Santai Menu dan Konsep Baharu di Kiosk Menara FELDA telah berlangsung dengan jayanya pada 18 Disember 2025 sebagai inisiatif FELDA D'Saji dalam memperkenalkan pembaharuan menu serta konsep penyajian yang lebih segar dan moden, selaras dengan usaha meningkatkan kualiti perkhidmatan serta pengalaman pelanggan.

Majlis ini telah diserikan dengan kehadiran Pengerusi FELDA D'Saji, YBhg. Dato' Ramli Ismail, Anggota Lembaga KPF, YBrs. Encik Syaarani Azulan, Datuk Haji Sulong Jamil Mohamed Shariff, serta barisan pengurusan KPF dan ketua-ketua subsidiari KPF, sekali gus mencerminkan sokongan padu kepimpinan terhadap inisiatif penambahbaikan yang dilaksanakan.

Seiring dengan pelancaran ini, 'Chilled Juice' dan 'Sealed Drink' FELDA D'Saji kini beroperasi di Kios 10, Kafeteria Menara FELDA, dengan pelbagai pilihan menu ditawarkan termasuk Set Nasi Lemak, Nasi Goreng Kampung, Soto, Set Ayam Jakarta, Set Ayam Palembang, Set Kari Kapitan, Set Daging Masak Paprik, Set Daging Masak Hitam serta Jus Pop Tab bagi memenuhi citarasa pelanggan.

Secara keseluruhannya, pelaksanaan menu dan konsep baharu ini mencerminkan komitmen FELDA D'Saji dalam menyediakan sajian berkualiti dengan pendekatan yang lebih moden, efisien dan mesra pelanggan, di samping menyokong aspirasi KPF dalam memperkukuh penjenamaan serta kualiti perkhidmatan di Menara FELDA.

SARAPAN PAGI

7.00 PAGI - 10.30 PAGI



RM4

NASI LEMAK
+ TELUR MATA



RM4

NASI GORENG KAMPUNG
+ TELUR MATA



RM4

BIHUN GORENG
+ TELUR MATA



RM4

MI GORENG
+ TELUR MATA


MAKAN TENGAHARI

10.00 PAGI - 2.30 PETANG



RM11

SET AYAM PALEMBANG
+AIR MINUMAN D'SAJI (RO)



RM11

SET AYAM JAKARTA
+AIR MINUMAN D'SAJI (RO)



RM11

SET AYAM PALEMBANG
+AIR MINUMAN D'SAJI (RO)



RM11

SET KARI AYAM KAPITAN
+AIR MINUMAN D'SAJI (RO)



RM11

SET DAGING MAMAK PAPRIK
+AIR MINUMAN D'SAJI (RO)



RM11

SET DAGING MASAK HITAM
+AIR MINUMAN DSAJI (RO)



RM11

SET NASI BERIANI PUSA
+AIR MINUMAN D'SAJI (RO)



RM11

SET DAGING SALAI MASAK LEMAK
+AIR MINUMAN D'SAJI (RO)



RM12



RM13

SET IKAN KELI SAMBAL HIJAU
+AIR MINUMAN D'SAJI (RO)



RM13

Kiosk D'Saji Menara FELDA, Tingkat 10



@kpfelamini



www.kof.my

KPF DI LENSES MEDIA



KPF Proses Permohonan Pengeluaran Modal Syer RM909.85 Juta Untuk Tempoh 2020-2025



KUALA LUMPUR, 23 Dis (Bernama) -- Koperasi permohonan pengeluaran modal syer berjaya bayaran penuh RM543.6 juta bagi tahun 2023.

Katanya sepanjang tempoh 2020 hingga 2024, KPF turut membayar dividen kepada seluruh anggota mencecah RM1.2 bilion sekali gus mencukupi keperluan anggota.

"KPF mengakui masih terdapat permohonan pengeluaran bagi 2024 dan 2025 yang sedang diproses," katanya.

"Pembayaran ini dilaksanakan secara berperingkat mengikut penggiliran dan nilai keutamaan bayaran kepada keperluan khas bagi kes mendesak dan kritikal, tertakluk kepada sokongan lengkap," katanya dalam satu kenyataan semalam.

KPF berkata ia menyasarkan pembayaran berperingkat secara penggiliran ini akan aliran tunai semasa.

Sehubungan itu, KPF berharap semua anggota koperasi termasuk hakikat proses masa tertentu.

KPF berkata walaupun berdepan kekangan aliran tunai, prestasi kewangan syarikat dengan keuntungan yang baik, disumbangkan oleh sektor perdagangan, pelaburan korporat, hartanah, perkhidmatan air dan pembayaran.



KOMITMEN KPF BAYARAN BERFASA

Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (KPF) menegaskan komitmennya untuk melaksanakan bayaran pengeluaran modal syer kepada seluruh anggota.

bagi tempoh 2020 hingga 2025, dengan bayaran penuh sebanyak RM543.6 juta diselesaikan bagi tahun 2020 hingga 2023. Dalam tempoh 2020 hingga 2023, KPF telah mengeluarkan modal syer kepada seluruh anggota.

Dari sudut dasar, KPF menjelaskan bahawa pengeluaran modal syer tertakluk kepada peruntukan Undang-Undang Kecil (UUK) 24(1) serta Aturan Pengeluaran Modal Syer yang ditetapkan dalam MAPT Ke-44, bagi memastikan pengurusan kewangan koperasi kekal berdisiplin dan bertanggungjawab.

Walaupun berdepan kekangan aliran tunai, prestasi kewangan KPF bagi tahun 2025 dijangka bertambah baik hasil sumbangan daripada sektor perdagangan, pelaburan korporat, hartanah, perkhidmatan air dan pembayaran.

"KPF menghargai kesabaran serta kepercayaan anggota dan akan terus mengurus bayaran pengeluaran dan dividen secara bersepatu dengan peraturan yang ditetapkan," katanya.

Pendekatan ini adalah bagi memastikan koperasi mampu memenuhi tanggungjawab kepada anggota dalam jangka panjang dan melindungi kepentingan majoriti.

>> Dari muka 32

"Setakat ini, kira-kira 17 peratus pelabur membuat pengeluaran, manakala 83 peratus lagi pelabur tegar. Kita harus memastikan dana terus dilaburkan dan menjaga polangan."

"KPF tidak kecewa seperti bank yang mampu memenuhi semua pengeluaran secara serentak, harus berperingkat," jelasnya seperti dilaporkan Awani.

Pada Selasa, sekitar 100 penganjur KPF berarak dari Jalan Masjid di Kampung Datuk Keramat ke Balai FELDA menuntut pembayaran jualan saham pelabur.

Penyelaras perhimpunan yang juga wakil pelabur KPF, Ahmad Karami Lebai Yunus mendakwa harapan peneroka FELDA seolah-olah dicabut, penantian tanpa penghujung bagi menikmati wang hasil penjualan saham.

"Ada penganjur yang datang yang sehingga ajal menjemput masih belum menerima wang penjualan saham, waris si mati menghadapi kesukaran menguruskan harta faraid, malah wang khairat kematian pun gagal diburukkan," dakwanya.

Selain itu, Sohi Sarai, 68, yang berketurunan Melayu, berkata:



KPF komited santuni anggota, laksana bayaran pengeluaran syer secara terancang dan berfasa – Banuri



Pengerusi Koperasi Permodalan FELDA Malaysia (KPF), Datuk Mohd Banuri Aris menjelaskan proses pembayaran pengeluaran modal syer anggota yang memohon di Balai FELDA, Kuala Lumpur. Foto MOHD ADZLAN, 23 DISEMBER 2023

Kuala Lumpur: Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Bhd (KPF) memproses permohonan pengeluaran modal syer berjumlah RM909.85 juta bagi tempoh 2020 hingga 2025 dengan bayaran penuh 2023.

Katanya, sepanjang tempoh 2020 hingga 2024, KPF turut membayar dividen kepada seluruh anggota mencecah RM1.2 bilion sekali gus mencukupi keperluan anggota.

"KPF mengakui masih terdapat permohonan pengeluaran bagi 2024 dan 2025 yang sedang diproses," katanya.

"Pembayaran ini dilaksanakan secara berperingkat mengikut penggiliran dan nilai keutamaan bayaran kepada keperluan khas bagi kes mendesak dan kritikal, tertakluk kepada sokongan lengkap," katanya dalam satu kenyataan semalam.

KPF berkata ia menyasarkan pembayaran berperingkat secara penggiliran ini akan aliran tunai semasa.

Sehubungan itu, KPF berharap semua anggota dapat terus bersabar serta mematuhi hakikat proses menukar aset pelaburan kepada kecairan memerlukan masa.

KPF berkata, walaupun berdepan kekangan aliran tunai, prestasi kewangan syarikat dengan keuntungan yang baik, disumbangkan oleh sektor perdagangan, pelaburan korporat, hartanah, perkhidmatan air dan pembayaran.

KUALA LUMPUR -- Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (KPF) menegaskan pembayaran pengeluaran modal syer kepada seluruh anggota yang memohon adalah dilakukan secara terancang dan berfasa bagi kelangsungan operasi dan menjaga kepentingan anggota.

Pengerusinya, Datuk Mohd Banuri Aris berkata, KPF telah menyelesaikan sepenuhnya pembayaran pengeluaran modal syer sehingga tahun 2023, manakala permohonan bagi tahun 2024 dalam proses pelaksanaan pembayaran secara berperingkat.

*Setahun Kepimpinan
Seribu Kecemerlangan*

5 November 2024 – 5 November 2025

Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad mengucapkan tahniah dan selamat ulang tahun pertama perkhidmatan kepada

YANG BERBAHAGIA

DATO' DR. SUZANA IDAYU WATI BINTI OSMAN

Pengarah Besar FELDA

"Terus maju memacu transformasi dan kesejahteraan warga FELDA."



@kpfrasmi



www.kpf.my



**NIKMATI KESEGARAN
MENU BAHARU!**

JUS POP-TAB



 Kiosk D'Saji Menara FELDA, Tingkat 10

TERBITAN:



**JABATAN KOMUNIKASI KORPORAT
KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD**